

**SOALAN NO: 15**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**TARIKH : KHAMIS, 22 OKTOBER 2015**

**RUJUKAN : L1 [PR-1333-L70784]**

**SOALAN :**

Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah sedar bahawa rakyat Labuan amat mendambakan jambatan yang menghubungkan antara pulau Labuan dan tanah besar Sabah. Ia juga adalah pemacu perubahan yang ditunggu-tunggu sejak menjadi Wilayah Persekutuan sejak 31 tahun lalu.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Labuan, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan telah diminta menjalankan kajian Laluan Feri Labuan ke Menumbok dengan mengambil kira pelbagai aspek iaitu *Environmental Assessment Report, Land Use Report, Traffic Impact Assessment Report, Topographic Survey Report, Bathymetric Survey Report, Social Impact Assessment Report, Review of Existing Hydraulic Report and Operation and Management Report for the Ro Ro System.*

Kajian ini telah siap pada 6 Ogos 2014. Hasil daripada kajian tersebut telah mengenalpasti kebolehlaksanaan kemudahan terminal feri sedia ada dan cadangan pembinaan terminal feri termasuk melihat penilaian cadangan tapak berdasarkan parameter topografi tapak, batimetri tapak, kewujudan reseptor sensitif alam sekitar dan ciri-ciri fizikal semula jadi yang mungkin memerlukan penyelesaian kejuruteraan khas.

Pada masa yang sama, pihak Kerajaan telah menganggarkan kos pembinaan jambatan mencecah RM3 billion dan boleh meningkat kepada RM6 billion jika lewat disiapkan bagi menghubungkan kedua-dua kawasan di Labuan dan Menumbok, Sabah.

Setelah melihat keadaan ekonomi semasa negara dan iklim ekonomi global, Kerajaan telah memutuskan agar cadangan pembinaan Terminal Feri Ro Ro di Labuan dengan anggaran kos sebanyak RM197 juta di bawah RMKe-11 adalah lebih realistik berbanding dengan anggaran kos pembinaan jambatan yang menghubungkan Labuan ke tanah besar Sabah

yang jauh lebih tinggi dan tidak dapat ditampung sepenuhnya oleh Kerajaan pada ketika ini. Dengan adanya terminal feri kenderaan yang baru ini sudah tentu tahap perkhidmatan feri ro ro akan lebih cekap dan efisien sekaligus dapat menyelesaikan isu kesesakan lalu lintas di Labuan.

Oleh yang demikian, seperti mana yang pernah dimaklumkan di dalam sidang Dewan Rakyat yang lalu, cadangan pembinaan jambatan ini ditangguhkan terlebih dahulu. Tumpuan masa kini adalah untuk menjayakan terminal feri yang berfungsi secara berkesan agar pergerakan penumpang, kenderaan bermotor dan barang berjalan dengan lancar.